**Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)**
**2022, Volume 7, Issue 12, e002001**
**DOI:** https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.2001

# Tahap Sikap Pembelajaran, Pendekatan Pembelajaran dan Pengetahuan Pembelajaran Terhadap Prestasi Pelajar Ekonomi

## *(The Level of Learning Attitude, Approach, And Knowledge Towards The Performance of Economics Students)*

**Syahrul Nizam Salam[1*], Muhammad Asyraf Che Amat[2]**
**Farous Izwan Abdul Aziz[3], Nadiah Rus Liyana Rusli[4]**

[1]Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa, Kampus Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), 87000 Jln. Sungai Pagar, WP Labuan, Malaysia.
Email: syahrulnizam.salam@ums.edu.my
[2]Jabatan Pendidikan Kaunselor dan Psikologi Kaunseling, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, Serdang, Selangor, Malaysia.
Email: mhdasyraf@upm.edu.my
[3]Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa, Kampus Antarabangsa Labuan (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (UMS), 87000 Jln. Sungai Pagar, WP Labuan, Malaysia.
Email: farousizwan.aziz@ums.edu.my
[4]Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa, Kampus Antarabangsa Labuan (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (UMS), 87000 Jln. Sungai Pagar, WP Labuan, Malaysia.
Email: nadiahrusliyana@ums.edu.my

**CORRESPONDING AUTHOR (*):**
Syahrul Nizam Salam
(syahrulnizam.salam@ums.edu.my)

**KATA KUNCI:**
Sikap Pembelajaran
Pendekatan Pembelajaran
Pengetahuan Pembelajaran
Prestasi Pelajar Ekonomi

**KEYWORDS:**
Learning Attitude
Learning Knowledge
Learning Approach
Learning Attitude
The Performance of Economics Students

**CITATION:**
Syahrul Nizam Salam et al. (2022). Tahap Sikap Pembelajaran, Pendekatan Pembelajaran dan Pengetahuan Pembelajaran Terhadap Prestasi Pelajar Ekonomi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(12), e002001. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.2001

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap Pengetahuan Pembelajaran, Pendekatan Pembelajaran dan Pengetahuan Pembelajaran dan Prestasi Pelajar Ekonomi STPM di negeri Sabah. Prestasi pelajar Ekonomi merujuk terhadap perubahan positif dalam hal kecekapan tingkah laku atau kemampuan yang dapat meningkatkan penambahbaikan dalam diri untuk mencapai sesuatu matlamat dalam diri melalui pembentukan diri yang positif khususnya dalam keupayaan pembangunan pelajar secara produktif melalui sikap, pengetahuan dan pembelajaran. Daripada analisis data, didapati tahap pengetahuan pembelajaran berada pada tahap tinggi, sikap pembelajaran, pendekatan pembelajaran serta prestasi pelajar ekonomi berada pada tahap sederhana tinggi. Sehubungan itu, implikasi kajian ini adalah untuk meningkatkan keupayaan pembangunan prestasi pelajar Ekonomi STPM di negeri Sabah dalam membentuk pelajar ke arah yang lebih positif dari segi sikap, pengetahuan dan pendekatan pembelajaran dan Seterusnya ke alam pekerjaan.

**ABSTRACT**

This study aims to identify the level of learning attitude, learning approach, learning knowledge, and performance of STPM Economics students in Sabah. The performance of Economics students refers to positive changes in their

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

behavioral competence or ability that can develop their self-improvement and help them achieve their goals. These changes are done through positive and productive self-development by improving their attitude, knowledge, and learning. The results showed that the level of learning knowledge is at a high level, the attitude to learning, learning approach and economic student performance are at a moderately high level. The implication of this study is that STPM Economics students can improve their performance by adopting a more positive attitude towards knowledge and approach to learning which they can then bring with them when they enter the working world.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dan mendapati bahawa wujudnya dapatan yang signifikan melalui faktor-faktor prestasi pelajar Ekonomi STPM di negeri Sabah iaitu sikap pembelajaran, pendekatan pembelajaran dan pengetahuan pembelajaran yang dapat meningkatkan prestasi pelajar Ekonomi di negeri Sabah.

## 1. Pengenalan

Sokongan dalam meningkatkan prestasi pelajar sekolah diterjemahkan dalam Pelan Rancangan Pendidikan 2013-2025, yang mana memerlukan pelajar mempunyai penguasaan dalam mengadaptasi ujian hipotesis, mendapatkan maklumat, membuat kesimpulan serta membuat pernyataan kemahiran dalam proses pembelajaran dalam kelas sekali gus membantu meningkatkan pencapaian kendiri dalam diri pelajar. Ini turut ditegaskan oleh kajian Yusuf et al. (2014) menjelaskan pelajar yang tidak suka berfikir serta tidak minat dalam mata pelajaran tertentu dalam menimba ilmu pengetahuan membentuk sikap negatif serta malas dalam mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari akan membentuk kendiri negatif dalam diri pelajar sekali gus membawa kepada kemerosotan dalam setiap aspek prestasi pembelajaran.

Selain itu, walaupun format sistem pengajaran peringkat pra universiti diubah dan diperbaharui mengikut penggal yang menjurus kepada pemikiran yang kritis bagi membentuk kendiri pelajar serta kaedah yang digunakan oleh beberapa guru Ekonomi masih tidak berubah bagi menerima cabaran baru dalam sistem pembelajaran yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, kenyataan ini disokong oleh Yin, Abdullah dan Alazidiyeen (2011) yang menjelaskan kaedah pengajaran guru Ekonomi masih peringkat lama. Justeru, ini akan menyebabkan pelajar susah mengadaptasi ilmu yang diberikan oleh seseorang guru dalam kelas. Dalam kajian Kumari dan Chamundeswari (2013) pencapaian yang kurang memuaskan dalam kalangan pelajar mempunyai hubung kait dengan kefahaman, tingkah laku dan aplikasi seseorang pelajar. Selain itu, kajian oleh kajian Syahrul Nizam dan Said Ambotang (2017) dalam membentuk tahap pencapaian pelajar berkait rapat dengan tingkah laku pelajar dalam memahami mata pelajaran Ekonomi STPM yang mana tahap kefahaman mempunyai tahap yang tinggi, sederhana atau rendah seterusnya diinterpretasikan dalam bentuk skor mentah, gred, pangkat serta tahap kemampuan prestasi pelajar dalam satu mata pelajaran atau keseluruhan kursus yang diambil di sekolah.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

### 1.1. Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat tahap prestasi pelajar Ekonomi peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) di negeri Sabah. Justeru penetapan objektif kajian ini ialah mengenal pasti tahap pengetahuan pembelajaran, Sikap pembelajaran dan pendekatan pembelajaran terhadap prestasi pelajar Ekonomi STPM di Sabah.

## 2. Sorotan Literatur

Dalam objektif kursus mata pelajaran Ekonomi STPM, menekankan kepentingan pembentukan aspek kendiri dalam meningkatkan prestasi pelajar, yang mana menggalakkan pelajar tidak bergantung sepenuhnya kepada guru. Hal ini memenuhi hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memfokuskan pendidikan berasaskan hasil (*outcome-based education*) yang memfokuskan kreativiti pelajar dan tidak berorientasikan peperiksaan semata-mata (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Pelaksanaan pembelajaran kendiri ini dapat memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk berinteraksi secara terbuka serta berani memberikan pendapat dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Dalam kajian Merdin-Uygur, Sarial-Abi, Gurhan, Canli dan Hesapci (2019) kendiri pembelajaran yang dipupuk akan memberi keselesaan dan akan mempengaruhi minat seseorang melalui aktiviti yang disertai. Justeru, objektif kursus Ekonomi STPM baru ini menekankan aktiviti akademik yang dijalankan dalam kelas yang mampu membina kemahiran pelajar untuk berfikir secara kreatif dan kritis dalam pembelajaran sekali gus menggalakkan pelajar untuk berdikari.

Mata pelajaran Ekonomi STPM yang dilaksanakan bermatlamatkan untuk mengembangkan bakat dan kreativiti pelajar sekali gus berasaskan objektif membentuk pelajar untuk menjadi generasi muda yang berkebolehan tinggi, global dan universal (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012-2013). Antara objektif yang perlu dicapai ialah meningkatkan taraf pendidikan, pendidikan berasaskan sistem berpenggal dan daya saing yang tinggi, pendidikan yang setara untuk semua program STPM, memastikan pelajar mempunyai nilai kebolehcapaian yang tinggi dan akhir dan akhir sekali ialah membentuk pelajar yang mempunyai kepimpinan berasaskan negara bangsa yang maju dalam aspek perpaduan, patriotisme, dan jati diri.

Selain itu, Matlamat tersurat dalam sukatan mata pelajaran Ekonomi STPM di bawah Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) menjelaskan bahawa kurikulum yang diterapkan pembelajaran kendiri adalah untuk melengkapkan pelajar dengan memahami dan menguasai ilmu ekonomi pada tahap prauniversiti dan membolehkan pelajar melanjutkan pengajian dalam bidang ekonomi peringkat lebih tinggi. Objektif sukatan mata pelajaran Ekonomi STPM memberi gambaran bahawa penguasaan konsep dan teori ekonomi, seperti permintaan dan penawaran, masalah ekonomi, kewangan, perdagangan serta polisi kerajaan dan isu semasa ekonomi merupakan tunjang utama dalam mencapai objektif tersebut yang merangkumi elemen konsep kendiri yang mana para pelajar didedahkan terus melalui sesi pengajaran dan pembelajaran secara berkumpulan iaitu pembelajaran secara kolaboratif.

### 2.1. Sikap Pembelajaran

Kajian Shavelson dan Bolus (1982) menunjukkan prestasi dalam akademik dipengaruhi oleh pencapaian seseorang pelajar. Dalam kajian Grygiel, Modzelewski, dan Pisarek (2017) konsep kendiri positif mempengaruhi kejayaan pelajar dari segi keputusan dalam

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

membuat kerja, usaha, keyakinan, kerjasama dan sikap saling membantu mampu memperbaiki pencapaian akademik seperti yang ditekankan oleh Shavelson et al. (1976) menyatakan kendiri positif penentu kejayaan dalam diri seseorang pelajar. Dalam kajian Wentzel (1991) kejayaan dan kegagalan pelajar bergantung pada kemahiran pengurusan perhubungan sosial pelajar seperti perbincangan dalam kumpulan, penyertaan dalam sesi soal jawab dalam kelas dan aktif dalam kumpulan yang berkait dengan konsep kendiri seseorang. Justeru, konsep kendiri yang ada dalam diri pelajar yang berkaitan dengan tingkah laku, emosi, kemahiran pengurusan, hubungan sosial dalam berinteraksi serta berkomunikasi mempunyai hubungan yang kuat dengan pencapaian akademik pelajar di sekolah terutama yang berkait dengan aspek sikap pelajar. Ini turut di sokong oleh kajian Syahrul Nizam, Abdul Said dan Ghazali Hassan (2018) yang menunjukkan sikap pembelajaran menjadi faktor penyumbang kejayaan seseorang pelajar di sekolah.

Dalam pada itu, beberapa isu penting yang berkait dengan prestasi pelajar Ekonomi yang dimiliki telah dikenal pasti. Antaranya adalah soal kefahaman pelajar terhadap mata pelajaran Ekonomi yang memiliki sikap kendiri positif agar mudah memahami pengetahuan serta mudah untuk meningkatkan pengetahuan dalam mata pelajaran Ekonomi dengan memahami definisi serta konsep ekonomi itu sendiri. Ini turut di sokong oleh kajian Syahrul Nizam, Abdul Said, Ghazali (2019) menunjukkan sikap antara faktor yang mendorong seseorang itu berjaya dalam mata pelajaran Ekonomi di sekolah melalui kefahaman yang dimiliki dalam mengaplikasikan ilmu ekonomi dalam kehidupan seharian. Pelajar yang memahami konsep ekonomi dengan mudah, mampu memberikan idea serta mempunyai kemampuan untuk berkongsi ilmu yang dimilikinya menerusi sistem pembelajaran secara kolaboratif yang menggalakkan pelajar untuk berbincang.

Dapatan kajian Bakar et al. (2012) menyatakan pelajar lebih cenderung ke arah sikap sambil lewa menunjukkan masalah sikap kendiri dalam diri pelajar itu sendiri. Ini turut dijelaskan oleh van Rooij, Jansen dan van de Grift (2017) menyatakan sikap kendiri negatif akan menyebabkan timbul permasalahan dalam kendiri pelajar dalam akademik. Ini menunjukkan masalah prestasi pelajar ekonomi yang berkait dengan sikap pelajar itu perlu diberi perhatian. Fenomena masalah konsep kendiri melalui sikap pelajar turut dibuktikan dalam kajian Marsh dan Seaton (2013) yang menunjukkan pelajar yang menghadapi prestasi kurang memuaskan dalam perkembangan akademik berpunca daripada masalah konsep kendiri yang dimiliki oleh seseorang pelajar.

### 2.2. Pendekatan Pembelajaran

Kaedah pembelajaran secara kolaboratif (KPM) adalah berbeza dengan pembelajaran secara konvensional bagi meningkatkan kualiti peratus kelulusan mata pelajaran yang diajar. Dapatan kajian yang dilakukan oleh Gokhale (1995), menunjukkan kaedah pembelajaran secara kolaboratif amat sesuai dalam mata pelajaran Ekonomi, ini kerana pembelajaran secara kolaboratif dapat mengembangkan pemikiran kritis seseorang pelajar. Kajian ini disokong oleh Chiu (2000) menyatakan pengajaran secara kolaboratif yang tidak betul yang dilakukan dalam kelas dapat mewujudkan permasalahan hubungan sosial antara guru dengan pelajar. Justeru, hubungan sosial yang wujud antara guru dan pelajar yang tidak betul tidak mewujudkan keserasian dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas sekali gus tidak membangunkan konsep kendiri di kalangan pelajar. Justeru peranan guru sangat penting dalam hal ini dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dalam kelas.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Dapatan kajian Faridah dan Rahmah (1992) menyatakan kesukaran dalam memahami bahan berkaitan dengan isu-isu semasa ekonomi dan kebanyakan bahan rujukan mata pelajaran Ekonomi adalah dalam bahasa Inggeris yang menimbulkan kesukaran kepada pelajar dalam memahami konsep-konsep ekonomi. Dalam kajian mereka juga menunjukkan keadaan membimbangkan kelemahan para pelajar dalam memahami penguasaan kemahiran matematik dalam mata pelajaran Ekonomi. Pelajar lebih cenderung menggunakan kaedah hafalan iaitu kaedah pembelajaran permukaan berbanding memahami mata pelajaran yang diajar **.** Menurut van Rooij, Jansen dan van de Grift (2017) pendekatan pembelajaran yang tidak konsisten memberi kesan kepada perkembangan kendiri pelajar sekali gus sekali gus memberi kesan kepada tahap pencapaian di sekolah. Kaedah pengajaran secara kolaboratif yang tidak sempurna bagi mata pelajaran Ekonomi STPM mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang tidak menarik. Ini kerana, Kajian Marsh, Trautwein, Lüdtke, Köller, dan Baumert (2005) pelajar yang aktif akan lebih mengusai sesi pembelajaran manakala pelajar yang lemah atau pasif cenderung untuk tidak mahu berkongsi pandangan mereka.

Dalam pada itu, minat seseorang pelajar memberi kesan kepada pendekatan pembelajaran dalam mata pelajaran Ekonomi STPM, ini disokong oleh kajian Johnston, James, Lye dan McDonald (2000) menjelaskan pendekatan pembelajaran para pelajar yang berorientasikan hafalan semata-mata menunjukkan minat yang tidak konsisten untuk berjaya dalam peperiksaan yang mana para pelajar ini mempunyai konsep kendiri negatif dan tidak cukup untuk menguasai mata pelajaran Ekonomi dengan baik. Justeru, pelajar yang cenderung ke arah pendekatan pembelajaran permukaan (*surface learning*) tidak dapat menjawab soalan Ekonomi berbentuk aplikasi dan kebiasaan pendekatan pembelajaran ini adalah pelajar yang dikategorikan sebagai pelajar yang bermotivasi ekstrinsik iaitu memiliki konsep kendiri yang rendah sekali gus kerap mendapat markah rendah dalam peperiksaan dan dikenal pasti sebagai pelajar yang bermasalah.

Di samping itu, pendekatan pembelajaran mendalam (*deep learning*) adalah salah satu pendekatan pembelajaran yang bermakna iaitu tidak bergantung kepada hafalan semata-mata yang lebih memahami apa yang dipelajari dan pelajar ini dikategorikan sebagai pelajar yang bermotivasi intrinsik. Pendekatan pembelajaran dalam mata pelajaran yang memerlukan pengiraan adalah berbeza dengan pendekatan pembelajaran yang memerlukan pembacaan sepenuhnya. Selain itu,dapatan kajian Ballard dan Johnson (2004) menunjukkan pembelajaran yang memerlukan kemahiran Matematik untuk menguasai sesuatu mata pelajaran mempunyai pendekatan pembelajaran yang berbeza dari segi pembentukan konsep kendiri yang baik. Ini kerana, konsep kendiri yang positif akan membuatkan seseorang itu mampu merasakan kemampuan diri untuk mencuba serta yakin dalam menghadapi permasalahan pembelajaran serta gigih dalam membuat latih tubi yang berterusan.

### 2.3. Pengetahuan Pembelajaran

Dalam kajian Kotte dan Witt (1995) membincangkan pengetahuan ekonomi terbahagi kepada mikroekonomi dan makroekonomi telah menjadi sebahagian masalah yang dihadapi oleh individu dan hubungan antarabangsa melalui penguasaan literasi. Ini kerana keperluan dalam meningkatkan literasi ekonomi telah mendominasi kehidupan dalam dunia pekerjaan untuk meningkatkan pendapatan dalam ekonomi. Kepentingan dalam literasi ekonomi dalam aspek perdagangan antarabangsa, bajet negara dan keperluan seseorang secara langsung memberi kesan kepada kehidupan seseorang termasuk sebagai seorang pelajar. Menurut Syahrul Nizam, Abdul Said, Ghazali Hassan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

(2018) menunjukkan pengetahuan terhadap isu-isu ekonomi menentukan tahap pencapaian seseorang individu, seperti pelajar yang dapat memberi kesan terhadap pencapaian dalam prestasi akademik dalam mata pelajaran ekonomi.

Justeru, kefahaman dalam konsep Ekonomi dalam meningkatkan pencapaian meliputi pengetahuan yang pernah dipelajari pada masa lampau. Dalam penyelidikan ini, kefahaman konsep Ekonomi ini memenuhi kriteria kefahaman mengikut definisi yang diutarakan oleh penyelidik tentang konsep kefahaman dalam memahami pengetahuan Ekonomi dalam meningkatkan prestasi mata pelajaran Ekonomi. Menurut kajian Walstad, William dan Soper (1985). kefahaman dalam mata pelajaran Ekonomi melibatkan kefahaman asas ilmu Mikroekonomi iaitu pengetahuan aktiviti ekonomi dalam negara dan kefahaman ilmu Makroekonomi mencakupi kefahaman aktiviti makroekonomi dalam dan luar negara.

Dalam aspek pengetahuan pembelajaran Ekonomi, kajian Jomo dan Ishak (2003) menunjukkan tahap kefahaman iaitu pengetahuan pelajar dapat membentuk pencapaian prestasi dalam mata pelajaran Ekonomi dengan memahami istilah mata pelajaran Ekonomi yang mempunyai makna berbeza dengan penggunaan istilah harian. Sebagai contoh istilah berkaitan ''Pelaburan'' yang mana dalam penggunaan istilah harian membawa maksud pembelian saham-saham, tetapi dalam penggunaan istilah disiplin Ekonomi membawa maksud perbelanjaan sebuah syarikat untuk pembelian barang modal bagi menghasilkan barang-barang dan perkhidmatan akhir. Justeru, pelajar yang tidak mempunyai pengetahuan yang kritis, dari segi pembentukan pengetahuan Ekonomi sedia akan keliru untuk menghuraikan dua aspek istilah yang berbeza sekali gus tidak dapat menjawab soalan Ekonomi dengan baik dan memberi kesan terhadap prestasi akademik dalam mata pelajaran Ekonomi.

## 3. Metod Kajian

### 3.1. Sampel

Dalam sampel kajian, rumus Krejcie dan Morgan (1970) digunakan sebagai dasar untuk melihat jumlah sampel iaitu daripada populasi menunjukkan apabila populasi kajian dalam lingkungan tiga ribu hingga tiga ribu lima ratus, maka saiz sampel adalah sebanyak tiga ratus lima puluh ke atas. Bagi memenuhi tujuan pensampelan rawak tiga peringkat ini, penyelidik menggunakan saranan Krejcie dan Morgan (1970) digunakan. Justeru itu, kajian ini telah menetapkan penggunaan sampel seramai 350 ke atas.

### 3.2. Instrumen Kajian

Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik sebagai alat utama. Instrumen mengandungi lima bahagian iaitu bahagian A, B, C, D dan E iaitu demografi (D), Pengetahuan Pembelajaran, Sikap Pembelajaran, Pendekatan Pembelajaran dan Prestasi Pelajar Ekonomi mengikut skala Likert lima pilihan iaitu [1] = Sangat Tidak Setuju, [2] = Tidak Setuju, [3] = Tidak Pasti, [4] =Setuju dan [5] = Sangat Setuju. Pemilihan skala Likert lima pilihan ini berdasarkan pengukuran yang melibatkan pemboleh ubah yang dikaji.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

### 3.3. Analisis Data

Analisis deskriptif kajian menunjukkan frekuensi, eksplorasi data, deskriptif, analisis nisbah dan *Crosstabulation*. Analisis frekuensi yang diterangkan oleh pengkaji seperti min, median, sisihan piawai, mod, minimum, maksimum, varians dan data yang digunakan dalam kajian ini merupakan data kuantitatif. Dalam analisis deskriptif ini, meliputi pengelasan tahap dalam kajian. Dalam kajian Ghazali dan Sufean (2017) seperti berikut; 1.00-2.00 (Rendah), 2.01-3.00 (Sederhana Rendah), 3.01-4.00 (Sederhana Tinggi) dan 4.01-5.00 (Tinggi).

## 4. Hasil Kajian

Ciri-ciri demografi responden dalam kajian ini meliputi ciri-ciri demografi responden dalam kajian ini iaitu jantina, tahap pendidikan ibu bapa, semester dan lokasi sekolah responden yang dibentangkan dalam bentuk frekuensi dan peratusan. Berikut adalah perincian ciri demografi responden berdasarkan data kajian yang diperoleh.

Jadual 1 menunjukkan daripada 402 responden seramai 110 orang pelajar lelaki (27.8 peratus) dan seramai 292 orang pelajar perempuan (72.6 peratus)mengikut jantina. Data menunjukkan jumlah tahap pendidikan ibu bapa responden iaitu peringkat universiti (102 orang), sekolah menengah (102 orang), sekolah rendah (203 orang) dan lain-lain (52 orang), masing-masing mencatatkan sebanyak25.3 peratus, 50.5 peratus, 11.2 peratus dan 13 peratus yang mana tahap pendidikan ibu bapa di bahagian lain-lain adalah paling tinggi. Daripada 82 orang (20.4 peratus)yang berada pada semester pertama, jumlah responden yang berada pada semester kedua lebih tinggi iaitu 320 orang pelajar iaitu 79.6 peratus daripada bilangan pelajar. Bagi bilangan lokasi responden, luar bandar menunjukkan jumlah yang tinggi sebanyak 284 pelajar (70.6 peratus) berbanding kawasan bandar iaitu (29.4 peratus).

Jadual 1 : Demografi Responden

| Demografi | Pemboleh Ubah | Kekerapan (F) | Peratusan (%) |
|---|---|---|---|
| Jantina | Lelaki | 110 | 27.4 |
| | Perempuan | 292 | 72.6 |
| Tahap Pendidikan Ibu Bapa | Universiti/Kolej | 102 | 25.3 |
| | Sekolah Menengah | 203 | 50.5 |
| | Sekolah Rendah | 45 | 11.2 |
| | Lain-Lain | 52 | 13.0 |
| Semester | Pertama | 82 | 20.4 |
| | Kedua | 320 | 79.6 |
| Lokasi | Bandar | 118 | 29.4 |
| | Luar Bandar | 284 | 70.6 |

Jadual 2 menunjukkan secara keseluruhan penerimaan responden terhadap pengetahuan pembelajaran dalam Ekonomi. Dapatan analisis menunjukkan tahap pengetahuan pelajar Ekonomi berada pada tahap tinggi secara keseluruhan iaitu nilai min (4.045) dengan konstruk Mikroekonomi adalah 4.099 dan konstruk Makroekonomi adalah 3.992. Ini menunjukkan tahap pengetahuan pembelajaran Ekonomi dalam kalangan pelajar Ekonomi STPM adalah baik dalam meningkatkan prestasi akademik.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 2 : Tahap Pengetahuan Pembelajaran Ekonomi

| | N | Minimum | Maksimum | Min | Sisihan Piawai |
|---|---|---|---|---|---|
| Mikroekonomi | 402 | 2.00 | 5.00 | 4.0993 | .43751 |
| Makroekonomi | 402 | 2.25 | 5.00 | 3.9925 | .48144 |
| *Valid N (listw ise)* | 402 | | | | |

Jadual 3 menunjukkan secara keseluruhan penerimaan responden terhadap Sikap pembelajaran Ekonomi. Tahap sikap pembelajaran Ekonomi secara keseluruhan menunjukkan min (3.229) iaitu berada pada tahap sederhana tinggi dengan konstruk minat (3.055) dan kepraktikalan (3.403). Ini menunjukkan tahap sikap pembelajaran dalam kalangan pelajar Ekonomi STPM perlu ditambah baik dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar Ekonomi.

Jadual 3: Tahap Sikap Pembelajaran Ekonomi

| | N | Minimum | Maksimum | Min | Sisihan Piawai |
|---|---|---|---|---|---|
| Minat | 402 | 1.36 | 5.00 | 3.0559 | .78549 |
| Kepraktikalan | 402 | 1.70 | 5.00 | 3.4032 | .67570 |
| *Valid N (listw ise)* | 402 | | | | |

Jadual 4 menunjukkan secara keseluruhan penerimaan responden terhadap Pendekatan Pembelajaran Ekonomi. Secara keseluruhan tahap pendekatan pembelajaran Ekonomi menunjukkan nilai min (3.689) iaitu berada pada tahap sederhana tinggi dengan konstruk pendekatan memahami (3.676) dan pendekatan hafalan (3.702). Ini menunjukkan tahap pendekatan pembelajaran Ekonomi dalam kalangan pelajar Ekonomi STPM perlu ditambah baik dalam meningkatkan prestasi pelajar Ekonomi di Sabah.

Jadual 4 :Tahap Pendekatan Pembelajaran Ekonomi

| | N | Minimum | Maksimum | Min | Sisihan Piawai |
|---|---|---|---|---|---|
| Pendekatan Mendalam | 402 | 2.33 | 5.00 | 3.6768 | .47918 |
| Pendekatan Permukaan | 402 | 2.29 | 5.00 | 3.7026 | .49210 |
| *Valid N (listw ise)* | 402 | | | | |

Jadual 5 menunjukkan secara keseluruhan penerimaan responden terhadap Prestasi Pelajar Ekonomi. Secara keseluruhan tahap prestasi pelajar Ekonomi menunjukkan min (3.882) dan berada pada tahap sederhana tinggi. Ini bermaksud prestasi pelajar Ekonomi di negeri Sabah perlu ditambah baik dalam meningkatkan kecemerlangan akademik di sekolah.

Jadual 5: Tahap Prestasi Pelajar Ekonomi

| | N | Minimum | Maksimum | Min | Sisihan Piawai |
|---|---|---|---|---|---|
| Prestasi Pelajar | 402 | 2.74 | 5.00 | 3.8824 | .43723 |
| *Valid N (listw ise)* | 402 | | | | |

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

## 5. Kesimpulan

Penemuan kajian ini menjelaskan pengetahuan pembelajaran, sikap pembelajaran dan pendekatan pembelajaran ekonomi perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak-pihak yang berkenaan agar prestasi akademik pelajar Ekonomi dapat ditingkatkan dalam era yang serba mencabar dalam persaingan meningkatkan pencapaian akademik di sekolah kerana ini sebenarnya mencerminkan kualiti yang dihasilkan oleh sesebuah institusi pendidikan. Individu yang memiliki prestasi akademik yang baik dan cemerlang sudah tentu dapat memberi kesan yang baik sama ada untuk diri sendiri atau masyarakat dan seterusnya untuk kemajuan serta pembangunan sesebuah negara dalam membentuk pembangunan insaniah secara fizikal atau spiritual melalui prestasi akademik yang dimiliki.

## Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

## Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini

## Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan

## Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tiada mempunyai sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini

## Rujukan

Bakar, M. A. A., Said, S. N. M., Sabil, S., Ibrahim, N., Roose, A. R. M., Aden, E., & Marawi, Z. (2012, June). Pemantapan pengajaran dan pembelajaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS): Kajian tinjauan persepsi pelajar. *In Regional Conference on Cross Cultural Communication and National Integration (pp. 19-21).*

Ballard, C. L. dan Johnson, M. F.(2004). 'Basic Math Skills and Performance in an Introductory Economics Class', *Journal of Economic Education*, 35, 3–23.

Chiu, M. M. (2000). Group Problem‐Solving Processes: Social Interactions and Individual Actions. *Journal for the theory of social behavior*, *30*(1), 26-49.

Faridah Karim & Rahmah Ismail (1992). Teaching of economics in universities: pedagogical issues. *In Seminar Kebangsaan Program Ekonomi Di Universiti: Suatu Penilaian Semula* (ms. 269-305). 12-13 Oktober, 1992. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Ghazali Darusalam & Sufean Hussin (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian, 2nd Edition*. Publisher: University of Malaya Press

Gokhale, A. (1995). Collaborative learning enhances critical thinking. *Journal of Technology Education*, *7*(1).

Grygiel, P., Modzelewski, M., & Pisarek, J. (2017). Academic self-concept and achievement in Polish primary schools: cross-lagged modelling and gender-specific effects. *European Journal of Psychology of Education*, *32*(3), 407-429.

Johnston, C. G., James, R. H., Lye, J. N., & McDonald, I. M. (2000). An evaluation of collaborative problem solving for learning economics. *The Journal of Economic Education*, *31*(1), 13-29.

Jomo, K. S & Ishak Shari. (2003). *Makroekonomi. Kuala Lumpur*: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Kotte, D., & Witt, R. (1995). Chance and challenge: Assessing economic literacy. *Reflections on educational achievement. Papers in Honor of T. Neville Postlethwait. Waxmann, Münster*, 159-168.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya Malaysia:* Kementerian Pendidikan Malaysia. www.moe.gov.my

Krejcie, V. R., dan Morgan. W.D. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities, Educational and Psychological Measurement.* Duluth: University of Minnesota

Kumari, Archana, & A. Chamundeswari. (2013). Self-Concept and Academic Achievement of Students at the Higher Secondary Level. *Journal of Sociological Research*, *4*(2), 105-113.

Marsh, H. W., Trautwein, U., Ludtke, O., Koller, O., & Baumert, J. (2005). Academic self-concept, interest, grades and standardized test scores: Reciprocal effects models of causal ordering. *Child Development*, 76, 397-416

Marsh, H. W., & Seaton, M. (2013). Academic self-concept. *In International guide to student achievement* (pp. 62-63). Routledge.

Merdin-Uygur, E., Sarial-Abi, G., Gurhan-Canli, Z., & Hesapci, O. (2019). How does self-concept clarity influence happiness in social settings? The role of strangers versus friends. *Self and Identity*, *18*(4), 443-467.

Shavelson, R. J., Hubner, J. J., & Stanton, G. C. (1976). Self-concept: Validation of construct interpretations. *Review of educational research*, *46*(3), 407-441.

Syahrul Nizam Salam, Abdul Said Ambotang, Ghazali Hassan Sulaiman. (2018). Pengaruh Faktor Penyumbang Terhadap Kendiri Pelajar Ekonomi Tingkatan Enam Di Sabah. *Jurnal Penyelidikan Akademik Kementerian Pendidikan Malaysia, 3*(34)

Syahrul Nizam Salam, Abdul Said Ambotang, & Ghazali Hassan Sulaiman. (2019). Hubungan Sikap Terhadap Ekonomi Dan Kefahaman Konsep Ekonomi Dengan Kendiri Pelajar Ekonomi. *Jurnal Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, 4*(34), 16-29

Syahrul Nizam Salam & Said Ambotang. (2017). *Faktor Penyumbang Terhadap Pencapaian Rendah Dalam Kalangan Pelajar.* Utusan Borneo, 27 Januari 2017. 3 pp

Shavelson, R. J., & Bolus, R. (1982). Self-concept: The interplay of theory and methods. *Journal of Educational Psychology, 74*(1), 3.

van Rooij, E. C., Jansen, E. P., & van de Grift, W. J. (2017). Factors that contribute to secondary school students' self-efficacy in being a successful university student. *Research in Post-Compulsory Education*, *22*(4), 535-555.

Walstad, W. B. & Soper, J. C. (1985). What Is Hight School Economic? Factor Contributing To Student To Achievement And Attitudes. *Journal of Economic Education*, 219-224

Wentzel, K. R. (1991). Relations between social competence and academic achievement in early adolescence. *Child development*, *62*(5), 1066-1078.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Yin, K. Y. (2011). Collaborative Problem Solving. *Methods towards Critical Thinking*, *4*(2), 58–62. http://doi.org/10.5539/ies.v4n2p58

Yusuf, N. Y., Abu, R., & Md Yunus, A. S. (2014). Tingkah laku, emosi, dan kognitif murid sebagai faktor peramal pencapaian akademik. *Journal of Human Capital Development*, *7*(1), 1-19.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).